

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Orang yang mengamalkan perbuatan nifak dinamakan
 - A Kafir.
 - B Fasik.
 - C Munafik.
 - D Musyrik.

- 2 Manakah antara berikut adalah dosa besar?
 - I qazaf, liwat dan musahaqah .
 - II melihat aurat bukan mahram,
 - III bercakap perkara tidak berfaedah.
 - IV Lari daripada medan peperangan.
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 3 Manakah antara berikut iktikad yang dipegang oleh Syiah Zaidiyah ?
 - A Menghalalkan minum arak.
 - B Mengharuskan perkahwinan kontrak.
 - C Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Bait.
 - D Kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran.

- 4 Apakah kesan jika suka menipu
 - A Kurang pahala.
 - B Susah dapat rezeki.
 - C Dibenci oleh masyarakat.
 - D Mudah dinaikkan pangkat.

- 5 Semasa berada di Arafah, jemaah haji melakukan ibadah
- A Sai'e.
 - B Wukuf.
 - C Melontar jamrah.
 - D Mengutip anak batu.
- 6 Encik Amir berkata kepada isterinya "*Aku ceraikan engkau dengan talak tiga*"
Namakan jenis talak tersebut
- A Bain Sughra .
 - B Bain Kubra.
 - C Sunni.
 - D Bid-ie.
- 7 Hikmah perkahwinan ialah
- I dapat menyelesaikan masalah
 - II mengelakkan perbuatan maksiat
 - III mengembangkan zuriat yang bersih
 - IV dapat membantu orang susah dan anak yatim
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 8 Seorang gadis hendak berkahwin .
Siapakah yang paling berhak menjadi walinya?
- A Bapa.
 - B Datuk.
 - C Abang.
 - D Bapa saudara.

9 Perkara yang perlu dielakkan dalam perniagaan insurans **kecuali**

- A Hutang.
- B Gharar.
- C Riba.
- D Judi.

10 Berikut adalah kelebihan iman dalam kehidupan pelajar **kecuali**

- A sanggup mengambil sebarang tindakan untuk kepuasan diri.
- B tidak mengambil dadah untuk mengatasi tekanan hidup.
- C berminat untuk menguasai ilmu sains dan teknologi.
- D sentiasa mematuhi peraturan sekolah.

11 Syiah adalah kumpulan yang menyokong

- A Saidina Abu Bakar r.a.
- B Saidina Umar bin al-Khattab r.a.
- C Saidina Uthman bin Affan r.a.
- D Saidina Ali bin Abi Talib r.a.

12 Siapakah wanita yang haram dinikahi kerana hubungan nasab ?

- I Menantu
- II Ibu saudara
- III Anak saudara
- IV Sepupu

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 13 Pengasas Kerajaan Bani Umaiyah ialah
- A Muawiyah bin Abi Sufian.
 - B Abdullah Bin Al-Saffah.
 - C Umar bin Abdul Aziz.
 - D Yazid bin Muawiyah.
- 14 Berikut adalah kegiatan Baitul Hikmah pada zaman Kerajaan Abbasiyah *kecuali*
- A pusat penterjemahan.
 - B pusat penyelidikan ilmiah.
 - C pusat latihan para ilmuan.
 - D pusat percetakan bahan kajian.
- 15 Antara bidang berteraskan wahyu yang dialami pada zaman Bani Abbasiyah ialah
- I Ilmu Falak
 - II Ilmu Tafsir
 - III Ilmu Tauhid
 - IV Ilmu Mantiq
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 16 Hasil karya terkenal Ibnu Sina ialah
- A Al-Muwatta'.
 - B Tafsir al-Azhar.
 - C Al-Qanun Fi Tibb.
 - D Ihya' Ulumuddin.

17

- Penasihat Agung Perdana Menteri Nizam al-Mulk.
- Digelar Hujjatul Islam kerana kecekapannya berhujah.
- Pelopor golongan sufi.

Pernyataan di atas adalah berkait dengan

- A Imam Shafie rahimahullah.
- B Imam Bukhari rahimahullah.
- C Imam al-Ghazali rahimahullah.
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah.

18 Amalan yang dilakukan ketika menziarahi jenazah ialah

- A mendoakan jenazah mendapat keampunan.
- B membicarakan hal-hal berkaitan duniawi.
- C menunaikan solat Istikharah.
- D membawa surah Yaasin.

19 Apakah kesan pemimpin mengabaikan tanggungjawab?


- A Ekonomi negara akan meningkat.
- B Pembangunan negara berjalan lancar.
- C Rakyat mempunyai semangat daya saing yang tinggi.
- D Musuh akan mengambil kesempatan melemahkan negara.

20 Bagaimanakah cara berjihad memperbaiki diri?

- A Kedekut ilmu.
- B Berhati-hati menyebarkan Islam.
- C Mempelajari ajaran Islam dan mengamalkannya.
- D Mengamalkan ajaran yang sesuai dengan diri sendiri.

Soalan 21 hingga Soalan 24.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.



23 Walimatulurus ialah jamuan yang diadakan untuk meraikan sesebuah perkahwinan. Hukum mengadakannya adalah_____.

24 Upah haji harus dilakukan jika seseorang itu _____ atau sakit tiada harapan sembuh agar dapat memenuhi kewajipan rukun Islam.

Soalan 25 hingga soalan 28

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah

Talak	Fasakh	Khuluk	Lian	Nusyuz
-------	--------	--------	------	--------

25 _____ ialah perceraian antara suami isteri dengan lafaz talak dan dikaitkan dengan bayaran tertentu.


26 Perlakuan isteri yang ingkar melaksanakan kewajipan terhadap suami dikenali sebagai _____.

27 Seorang isteri mengadu kepada Mahkamah Syariah bahawa suaminya tidak menunaikan nafkah. Situasi tersebut menerangkan perbuatan_____.

28 _____ ialah sumpah suami yang menuduh isterinya berzina tanpa membawa empat orang saksi.

Soalan 29 hingga Soalan 30

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul



Soalan 31 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 31 Berasa gembira dalam melakukan ibadah serta sanggup menanggung kepayahan demi perolehi keredhaan Allah SWT dan RasulNya adalah maksud_____.
- 32 Islam mengenakan hukuman 80 kali sebatan terhadap orang yang melakukan_____.
- 33 Saidina Uthman bin Affan r.a dilantik menjadikhalifah melalui_____.
- 34 Globalisasi ilmu, kegiatan penterjemahan dan_____ merupakan faktor yang mendorong perkembangan sains dan teknologi pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah.
- 35 Ahli sejarah menyamakan pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan pemerintahan_____.
- 36 Ibnu Sina adalah tokoh dalam bidang_____ yang berjaya memberikan sumbangan kepada dunia melalui penemuan dan hasil penulisan beliau.
- 37 _____ diberi gelaran bapa usul fekah kerana orang pertama yang menulis berkaitan ilmu tersebut.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah

Wajib	Harus	Haram	Fardu Kifayah
-------	-------	-------	---------------

38 _____ bermusafir ke tempat maksiat seperti kelab malam atau pesta seks.

39 Hukum menjaga orang sakit ialah_____.

40 Mempertahankan negara dari ancaman musuh merupakan perkara_____ke atas setiap rakyat.